INSURANS

3.1 Risiko dan Perlindungan Insurans

Dari segi insurans, risikonya adalah **kemungkinan sesuatu yang berbahaya atau perkara yang tidak dijangka mungkin akan berlaku.** Sebagai contohnya kejadian kehilangan barang, pencurian, kerosakan harta benda, atau kemalangan. Oleh itu, persoalannya, bolehkah kami berasa lebih selamat dalam kehidupan kita? Bolehhhh, ia adalah insurans.

Diimbas dengan CamScanner

Apakah itu insurans? Insurans adalah kontrak, yang diwakili oleh polisi, di mana individu atau entiti mendapat perlindungan kewangan atau penggantian wang daripada kerugian dari syarikat insurans. Keliru? Tak pe! Dengan kata lain, anda membeli insurans kesihatan dan bayar sebanyak RM200 sebulan. (**JIKA** anda mengalami kemalangan (contoh je ye) ;), syarikat insurans anda akan membayar bil kesihatan anda, bergantung kepada pakej yang anda beli.)

Diimbas dengan CamScanner



Kepentingan insurans adalah untuk mengurangkan beban kewangan apabila berlakunya kerugian atau kemalangan. Insurans juga membantu memberi ketenangan fikiran, tidak perlu risau tentang wang sekiranya berlaku perkara buruk yang tidak dijangka.

Diimbas dengan CamScanner

⭐ Apakah itu premium insurans?

Apabila anda mempunyai polisi insurans sendiri, syarikat insurans tersebut akan mengenakan bayaran kepada anda anda. Kos tersebut dikenali sebagai premium insurans. Bergantung kepada polisi insurans, anda mungkin perlu membayar premium tersebut setiap bulan atau setiap setengah tahun. Terdapat juga kes bahawa anda mungkin diminta membayar jumlah penuh di muka, sebelum liputan bermula.

Diimbas dengan CamScanner

⭐ Insurans hayat

- Kematian
- Penyakit Kritikal
- Hilang upaya (keilatan)

Pengiraan premium bagi insurans hayat

$$\text{Premium} = \frac{Nilai\ muka\ polisi}{RMx} \times (Kadar\ premium\ per\ RMx)$$

⭐ Insurans am

- Insurans perubatan dan kesihatan
- Insurans kemalangan diri
- Insurans motor
- Insurans kebakaran
- Insurans perjalanan

Diimbas dengan CamScanner

1.2 Deduktibel dan Ko-Insurans

⭐ Deduktibel

Deduktibel ialah suatu jumlah yang perlu ditanggung oleh pemegang polisi sebelum layak membuat tuntutan daripada syarikat insurans. Kebiasaannya deduktibel terdapat dalam kontrak insurans harta, insurans perubatan dan kesihatan, dan insurans motor. Peruntukan ini tidak terdapat dalam insurans hayat dan insurans liabiliti diri.

Diimbas dengan CamScanner

⭐ Ko-Insurans

Ko-insurans ialah perkongsian bersama kerugian antara syarikat insurans dengan pemegang polisi. Bagi fasal ko-insurans dalam insurans harta, pemegang polisi dikehendaki menginsuranskan hartanya pada suatu jumlah tertentu berdasarkan peratusan ko-insurans yang telah ditetapkan oleh syarikat insurans daripada nilai boleh insurans harta tersebut.

Sekiranya peruntukan ko-insurans ini tidak dipenuhi, pemegang polisi perlu menanggung sebahagian daripada kerugian bersama-sama syarikat insurans. Oleh itu, jika pemegang polisi ingin mendapatkan pampasan penuh atas kerugian separa yang dialami, dia perlu menginsuranskan harta tersebut mengikut peruntukan ko-insuransnya.

Jumlah insurans yang harus dibeli = Peratusan ko-insurans × Nilai boleh insurans harta

TAMAT

Diimbas dengan CamScanner